



PUO **HOME OF** **CVETC** **CHAMPIONS**

Prolific Urbane Onwards

SELAMAT DATANG

**POLITEKNIK
UNGKU OMAR**
Home of TVET Champions

Anjung Premies



Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Politeknik Ungku Omar.

Cetakan Pertama, 2021

Diterbitkan oleh:

POLITEKNIK UNGKU OMAR,

Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak

Tel : 605-545 7622/545 7656

Fax : 605-547 1162

@2021 Politeknik Ungku Omar



■ Pendahuluan

PELAN STRATEGIK POLITEKNIK UNGKU OMAR (PSPUO) 2018 – 2025 dibangun berlandaskan Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018 – 2025 yang bertujuan mentransformasikan TVET dalam sistem pendidikan tinggi negara melalui inisiatif strategik untuk melonjakkan politeknik dan kolej komuniti ke arah kecemerlangan selaras dengan sepuluh Lonjakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi). Untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan pelan dalam garis masa yang dirancang, pelaksanaan PSPUO dibahagi kepada dua fasa seperti berikut:

Fasa 1 (2018 – 2020): Memacu Peningkatan Sistem; dan
Fasa 2 (2021 – 2025): Mengajak ke Arah Kecemerlangan

Dalam Fasa 1, fokus adalah kepada Lima Teras Strategik yang disasarkan pada awalannya iaitu:

- Memastikan graduan TVET berkualiti
- Melestari institusi kondusif
- Memperkaya bakat
- Mengolah rekabentuk sistem pendidikan, dan
- Memantapkan perkongsian industri dan komuniti

Manakala dalam Fasa 2, fokus adalah kepada Enam Teras Strategik yang ditambahbaik iaitu:

- Menghasilkan graduan TVET berkualiti
- Memantapkan governan yang resposif dan mampan
- Memperkaya bakat
- Menerajui sistem pendidikan melalui TVET4.0
- Memperkuuh kolaborasi industri dan komuniti
- Membudaya penyelidikan gunaan dan inovasi

Dokumen yang dirujuk serta menjadi asas kepada PSPUO adalah:

- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi)
- Kriteria Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC)
- Pelan Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti 2018-2025

■ Isi Kandungan

Pendahuluan	iii
Dari Pengarah	1
PUO Fakta Ringkas	2
Fasa Perlaksanaan Plan Strategik	4
Pelan Strategik Politeknik Ungku Omar (PSPUO) Fasa 1	5
Pencapaian PSPUO Fasa 1	8
Teras Strategik 1: Memastikan Graduan TVET Berkualiti	8
Teras Strategik 2: Melestarikan Institusi Kondusif	14
Teras Strategik 3: Memperkaya Bakat	18
Teras Strategik 4: Mereka Bentuk Semula Sistem Pendidikan	21
Teras Strategik 5: Memantapkan Pengkongsian Industri & Komuniti	25
Aspirasi PUO	27
Sistem Pengurusan Kualiti PUO	30
Rujukan Utama Pelan Strategik PUO	32
Peta Strategik Politeknik dan Kolej Komuniti (2010-2025)	32
Perbandingan Teras Strategik PUO Fasa 1 dan 2	33
Aspirasi PSPUO Fasa 2 (2021 – 2025)	33
Perancangan Tahunan Jabatan dan Unit PUO bagi 2021	35
Redaksi & Penghargaan	48



■ Dari Pengarah

Dengan nama Allah yang maha pemurah lagi maha penyayang dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah dengan limpah dan kurniaNYA maka terhasilah buku Pencapaian Pelan Strategik Politeknik Ungku Omar Fasa 1 dan Aspirasi Fasa 2 ini. Syabas dah tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat.

Setiap institusi pengajian tinggi yang cemerlang mempunyai target sasaran yang boleh digunakan sebagai pengukur bagi menghasilkan dan memberikan perkhidmatan pendidikan yang berkualiti, selari dengan misi dan visi yang telah ditetapkan. Berlandaskan Pelan Strategik JPPKK, PUO sebagai sebuah institusi TVET yang primer telah menjadikan Lima Teras Strategik, iaitu memastikan graduan TVET berkualiti, melestarikan institusi kondusif, memperkaya bakat, mereka bentuk semula sistem pendidikan dan memantapkan perkongsian industri & komuniti sebagai panduan sasaran untuk dicapai.

Buku kompilasi ini menyenaraikan beberapa pencapaian PUO yang signifikan bagi fasa pertama pengaplikasian Pelan Strategik iaitu bermula dari tahun 2018 sehingga 2020. PUO, seperti biasa terus menyinar di segenap peringkat komuniti, kebangsaan malah antarabangsa. Sebahagian pencapaian yang membanggakan itu telah dikompilasikan dalam buku ini sebagai bahan bukti bahawa dreamBIG@ PUO bukan lagi suatu mimpi, malah boleh dan telahpun direalisasikan dengan jayanya. Pencapaian-pencapaian ini menjadi indikator kepada keutuhan PUO sebagai sebuah institusi TVET primer yang unggul di Malaysia, seiring dengan misi dalam mempersiapkan graduan bagi menongkah arus dugaan semasa dan akan datang.

Serangan pandemik COVID19 berinisiasi pada 2020 sedikit sebanyak menjelaskan perjalanan serta perlaksaaan pelan strategik ini. Namun, berbekalkan semangat jitu para kakitangan, disokong padu oleh pihak-pihak berwajib serta pengurusan, termasuk pelajar dan komuniti, PUO tidak patah semangat malah meneruskan misi dengan lebih berani dalam menerobos segala halangan mendaratang. Cabaran demi cabaran yang dihadapi sepanjang tempoh getir ini telah dapat diadaptasi dan diasimilasikan dengan baik justeru ianya tidak menjadi penyebab kepada prestasi Politeknik Ungku Omar untuk berada bawah dari kelasnya. Diharapkan rintangan serta cabaran global yang bakal ditempuhi bukan sahaja di Malaysia malah seantero dunia ini tidak sedikitpun menghalang PUO dari terus masyur dan sohor, untuk memberikan yang lebih baik, yang terbaik. PUO tampil makin gagah dan nekad menghasilkan graduan TVET yang berkualiti.

Adalah menjadi harapan saya agar warga PUO terus menggembling tenaga yang komited, bekerjasama serta meneruskan budaya kerja berkualiti yang mampan untuk kejayaan dan aspirasi bersama. GO PUO! GO!

TS. HAJI MOHD FISAL BIN HAROON
PENGARAH
POLITEKNIK UNGKU OMAR




■ PUO: Fakta Ringkas

(Sehingga Disember 2020)

8

JABATAN
AKADEMIK




>75k

GRADUAN
SEMENJAK
TAHUN 1971

22

PROGRAM
PENGAJIAN
DITAWARKAN



JABATAN
KEJURUTERAAN AWAM

JABATAN
KEJURUTERAAN ELEKTRIK

JABATAN
KEJURUTERAAN MEKANIKAL

JABATAN
KEJURUTERAAN PERKAPALAN

JABATAN
PERDAGANGAN

JABATAN TEKNOLOGI
MAKLUMAT DAN KOMPUTER

JABATAN MATEMATIK
SAINS DAN KOMPUTER

JABATAN
PENGAJIAN AM

Diploma Kejuruteraan Awam

Diploma Seni Bina

Diploma Geomatik

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)

Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)

Diploma Kejuruteraan Elektrik & Elektronik

Diploma Kejuruteraan Perkapalan

Diploma Kejuruteraan Mekanikal

Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)

Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Penyambutan Udara dan Penyejuk Bekalan)

Diploma Kejuruteraan Mekatronik

Diploma Aktauntansi

Diploma Kewangan dan Perbankan

Diploma Pengajian Perniagaan

Diploma Pengurusan Peruncitan

Diploma Kewangan dan Perbankan Islam

Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) – Trek Pembangunan Perisian

Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) – Trek Sistem Pengelajuan

Diploma Teknologi Maklumat (Teknologi Digital) – Trek Keselamatan Maklumat

2

PROGRAM
IJAZAH
SARJANA
MUDA



1

PROGRAM
SIJIL

Sijil Kemahiran Khas
Awam Pembinaan



Pencapaian *Pelan Strategik*

FASA 1 PUO
2018-2020



■ Fasa Perlaksanaan

FASA 1
Memacu
Peningkatan
Sistem
2018 - 2020

FASA 2
Menganjak
Ke Arah
Kecemerlangan
2021 - 2025





Pencapaian *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 1





Pencapaian *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 1

TERAS 1 | **MEMASTIKAN GRADUAN TVET BERKUALITI**

Pelbagai strategi telah dilaksanakan bagi melahirkan graduan TVET yang berkualiti melalui program yang telah dijalankan dan disertai oleh para pelajar PUO. Penglibatan dalam program-program ini membantu pelajar meningkatkan kredibiliti mereka sejajar dengan misi melahirkan graduan yang berdaya saing dan berketrampilan. Antaranya adalah:

PUO

PENCAPAIAN PELAN **STRATEGIK** FASA 1

TERAS 1

MEMASTIKAN GRADUAN TVET BERKUALITI



The collage consists of five images arranged in a grid-like pattern:

- Top Left (Blue Box):** A blue box containing text about various strategies implemented by PUO to ensure TVET graduates are competitive and skilled.
- Top Right (Purple Box):** A purple box featuring a certificate for Shahru Azhar & Sharifudin as the Champion of Debate Novice Category, and another for Pragades Thamilarasan as the Champion of Debate Novice Category. It also mentions the 2019 Asian English Olympics Novice Champion for British Parliamentary Debate, Shahru Azhar Bin Sharifudin & Pragades Thamilarasan.
- Middle Left (Blue Arrow):** A blue arrow pointing right containing text about UNIKL British Parliamentary Novice 2018, where Ahmad Kamal Bin Ahmad Jafri & Vasrafeendeerjeet Singh came in 2nd place.
- Middle Right (Red Box):** A red box featuring a group photo of PUO members at the FIRA Malaysia 2019 competition, with text stating they won 2 silver medals for the HUROCUP and ANDROSOT teams.
- Bottom Left (Green Box):** A green arrow pointing right containing text about the KARNIVAL SUKAN TEMPUR POLITEKNIK MALAYSIA 2019, where PUO won 1 gold, 2 silver, and 3 bronze medals.
- Bottom Right (Red Box):** Two smaller images showing groups of people in red uniforms standing on podiums, likely representing the medal winners from the sports carnival.



PROJECT INNOVATION IN NATIONAL INNOVATION AND INVENTION THROUGH EXHIBITION 2019 (iCompex'19).

PUO membawa pulang PINGAT EMAS bagi inovasi Door Lock System Using Raspberry P1.



CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS (eDOLA) 2018

PUO dianugerahkan The Best TeCC, The Best TeCC Educator, The Best TeCC Student Group, The Best Reporter (PoliTV), Naib Johan TVET eConvergence dan TeCC Achievement of Excellence – 5 star Rating



POLYSEA 2019
Pelajar PUO diberikan gelaran Atlet Paralimpik Wanita Terbaik Politeknik Malaysia.



ROBOCON MALAYSIA 2019
Mencapai tempat ke empat bagi keseluruhan yang juga merupakan pencapaian terbaik institusi di bawah JPPKK.



Objektif Strategik

Malahirkan graduan yang boleh bekerja, berciri keusahawanan dan seimbang

Memperkasa pelajar melalui pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat

INTERVARSITY NATIONAL BIM MARATHON COMPETITION 2018 anjuran CIDB

PUO telah membawa pulang RM5000 beserta piala sebagai ganjaran untuk pemenang tempat kedua. Pertandingan yang dijalankan dalam jangka masa 66 jam tanpa henti ini telah direkodkan sebagai The Longest BIM Modeling Competition di dalam Malaysia Books of Records

PUO

PENCAPAIAN PELAN **STRATEGIK** FASA 1

TERAS 1

**MEMASTIKAN GRADUAN
TVET BERKUALITI**



INTERNATIONAL SKILLS
PARTNERSHIP PROGRAMME
2018. PUO dinobatkan
Pemenang Anugerah
Kategori Sustainable
Collaboration oleh British
Council .

BIM Marathon Competition
2018 Anjuran CIDB Malaysia.
Pasukan PUO yang terdiri dari
pelajar program pengajian
Sarjana Muda Teknologi
Kejuruteraan Awam dan Diploma
Seni Bina telah
menangi 1st Runner Up di
pertandingan tersebut.



**JOHAN KESELURUHAN
(POLITEKNIK PERAK)**

KEJOHANAN FUTSAL & OLAHRAGA MAJLIS
SUKAN POLITEKNIK MALAYSIA 2019.
Johan keseluruhan (Politeknik Perak)



KEJOHANAN HOKI UTP PANTHERS 2020.
PUO merangkul naib johan (lelaki), keempat
bagi pasukan perempuan dan pemain terbaik
kejohanan; Mohd Afiful Najmi bin Masri.



KEJOHANAN SILAT TAMING
SARI KE-10 UKM DAN JEMPUTAN
ANTARABANGSA 2019



WORLDSKILLS BANGKOK 2018.
(Icompex'19).

Wakil PUO, Meor Muhammad Kamal bagi
kategori IT network telah membawa pulang 1
Medallion Of Excellence.

KEJOHANAN RAGBI POLY 10'S 2020

Pasukan PUO mendapat tempat ke 3



**JOHAN KESELURUHAN
(POLITEKNIK PERAK)**

KEJOHANAN MAJLIS SUKAN POLITEKNIK 2018 DI PIS, JOHOR (16-20 SEPT 2018) .

Johan keseluruhan
(Politeknik Perak)



ANUGERAH TANGAN EMAS PERDANA MENTERI 2018

Pelajar program DDT, Chia Jian Wei yang berjaya memperoleh pingat gangsa di Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri 2018.

PERTANDINGAN INOVASI PROTON INOVASI (PIPO)

pada 20 sehingga 22 Ogos 2019 di Politeknik Nilai. Politeknik Ungku Omar telah memenangi Anugerah Emas, Anugerah Inovasi dan Pemenang Keseluruhan.



MALPTAAC SIRI 14/2019

Keputusan menembak keseluruhan MALPTAAC Siri 14/2019 di mana Politeknik Premier Ungku Omar (Rej 503 AW) mendapat tempat pertama.



GERAK USAHAWAN KAMPUS 2019

Kumpulan Warisan Pusaka dari PUO dinobatkan sebagai juara pertandingan dikir barat sempena Program Gerak Usahawan Kampus 2019 yang diadakan bersempena dengan sambutan Jubli Emas Politeknik Malaysia.





Pencapaian *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 1

TERAS 2 | *MELESTARI INSTITUSI* *KONDUSIF*

PUO

PENCAPAIAN PELAN
STRATEGIK
FASA 1

TERAS 2

MELESTARI INSTITUSI
KONDUSIF

Bagi menjadi institusi yang cemerlang dalam mencapai misi dan visi yang digariskan, aspek pengurusan juga menjadi fokus agar proses melahirkan graduan yang berketrampilan dan hebat dapat dijalankan dengan baik dan jitu. Berikut disenaraikan beberapa pencapaian PUO dalam melestarikan institusi yang kondusif.

2 0 1 8

LAPORAN PRESTASI
PEMBAYARAN BIL 2018

≤ 7 Hari | 100%

PENCAPAIAN VALIDASI COT
CTME 2018

  | 92%

PENCAPAIAN VALIDASI COT
CARE 2018

  | 100%

PENDAPATAN DIJANA MELALUI COT
(CTME & CARE) 2018

RM175,698

2 0 1 9

LAPORAN PRESTASI
PEMBAYARAN BIL 2019

≤ 7 Hari | 99.97%

PENCAPOAIAN VALIDASI COT
CTME 2019

  | 91%

PENCAPOAIAN VALIDASI COT
CARE 2019

  | 96%

PENDAPATAN DIJANA MELALUI COT
(CTME & CARE) 2019

RM236,205

2 0 2 0

LAPORAN PRESTASI
PEMBAYARAN BIL 2020

≤ 7 Hari | 100%

PENCAPOAIAN VALIDASI COT
CTME 2020

  | 99%

PENCAPOAIAN VALIDASI COT
CARE 2020

  | 100%

PENDAPATAN DIJANA MELALUI COT
(CTME & CARE) 2020

RM193,987

Objektif Strategik

Menjenamakan
semula imej TVET

Meningkatkan dan
mempelbagaikan
pendapatan ke
arah kemampuan
kewangan

Mencapai matlamat
organisasi yang
ditarikhkan melalui
keberkesanan kos





Pencapaian *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 1

TERAS 3 | MEMPERKAYA BAKAT

PUO

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK

FASA 1

TERAS 3

MEMPERKAYA BAKAT

Kakitangan merupakan aset penting kepada organisasi. Oleh sebab itu perancangan strategik yang sistematik bagi memperkaya bakat secara berterusan melalui pelbagai program telah dirancang serta dilaksanakan. Melalui penetapan objektif strategik melahirkan tenaga pengajar yang efektif melalui pembangunan bakat yang komprehensif, staf dikehendaki dan digalakkan untuk mengikuti program pembangunan bakat. Selain itu, Program Leadership and Management Development (LEAD) dan program peningkatan tahap akademik juga dilaksanakan selaras usaha memantapkan pengurusan dan kepimpinan organisasi. Melalui Program Pengayaan Pengalaman di Industri, Program Pembangunan Kepimpinan Terkini dan Program Pemantapan Perkembangan Profesional Pengajaran dan Pembelajaran 4.0, usaha melahirkan tenaga pengajar yang efektif dan memantapkan barisan kepimpinan dalam kalangan staf dapat dilaksanakan ke arah pembangunan bakat yang komprehensif. Di antaranya ialah:



Perlaksanaan pelbagai kursus Kaedah Pembelajaran dan Pengajaran Dalam Talian (PdPT) pada permulaan pandemik Covid-19 dalam tahun 2020 untuk menyediakan para pensyarah dengan kemahiran mengendalikan PdPT .

Apple Teacher Certified. Certificate of Recognition sebagai Apple Teacher merupakan satu pengiktirafan kepada para pensyarah yang telah menggunakan platform Mobile Operating System (iOS) sebagai medium p&p. Bermula 19 hingga 25 Jun 2020.

Kursus Certified Drone Operation, Maintenance & Repair di bawah Program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) Kementerian Pengajian Tinggi – Career Advancement Programme (KPT-CAP) bagi graduan politeknik dan Sambutan Ulang Tahun di Politeknik Premier ke -10 dilaksanakan pada awal November 2020.



Pensyarah PUO telah membuktikan kehebatan di CIDOS Inspiring Awards (eDOLA) dengan memenangi The Best TeCC, The Best TeCC Educator dan TeCC Achievement of Excellence (5 Star Rating) pada tahun 2018 serta The Best TeCC Educator dan TeCC Achievement of Excellence (5 star rating) untuk tahun 2019.



Projek Lean Management dilaksanakan bagi 3 kumpulan iaitu Unit Keselamatan dan Kesihatan, Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan dan Pusat Jaminan Kualiti dan Pengurusan Risiko. Projek ini dikoordinasi oleh Dr Mazlina Alang Othman dengan penyeliaan konsultansi oleh Pn Rusalbiah Che Mamat, Pensyarah di Jabatan Operations Management UiTM Shah Alam.



Centre of Air-conditioning and Refrigeration (CARe) Politeknik Ungku Omar yang telah mendapat tempat pertama bagi Anugerah pencapaian Keseluruhan Centre of Technology (COT) Terbaik 2018.



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Horizon Baharu Peringkat Kebangsaan. Pasukan Politeknik Ungku Omar dinobatkan Naib Johan Pertandingan Peringkat Kebangsaan KIKHB'19 bagi Kategori Penyampaian Perkhidmatan yang berlangsung di PTSB Kulim.

Objektif Strategik

Melahirkan staf yang efektif melalui program pembangunan bakat jangka panjang yang komprehensif.



Pencapaian
Pelan Strategik **PUO**

FASA I

TERAS 4 | **MENGOLAH REKA BENTUK
SISTEM PENDIDIKAN**

Objektif Strategik

- OS 4.1 - Mentransformasi program pengajian menepati permintaan industri
- OS 4.2 - Meningkatkan mekanisme penyampaian berkesan
- OS 4.3 - Memperluas akses
- OS 4.4 - Mendapatkan pengiktirafan dan/ atau akreditasi

PUO

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK FASA 1

TERAS 4

MENGOLAH REKA BENTUK SISTEM PENDIDIKAN

ASIA PACIFIC ACCREDITATION AND CERTIFICATION COMMISSION



Kedudukan Terkini Akreditasi APACC (Asia Pacific Accreditation and Certification Commission), Jun 2020. 10 buah Politeknik Malaysia, Kementerian Pengajian Tinggi telah berjaya memperolehi akreditasi tahap tertinggi iaitu EMAS; dan 9 Politeknik termasuk PUO menduduki tangga 1 hingga 10 dalam kalangan 35 institusi pengajian TVET terbaik di rantau Asia Pasifik. Pencapaian akreditasi APACC secara langsung berupaya membuktikan bahawa sistem pendidikan politeknik telah berupaya mencapai standard yang ditetapkan di peringkat antarabangsa. Penganugerahan itu menjadi penanda aras kepada pencapaian berprestasi tinggi dalam mentransformasikan pengajian politeknik ke tahap lebih cemerlang. Akreditasi APACC secara langsung berupaya memudahkan mobiliti graduan Politeknik Malaysia ke negara-negara Asean. Akreditasi APACC juga dapat mewujudkan standard setara dalam kemahiran yang diajari di institusi TVET rantau Asia Pasifik, dan memudahkan cara mobiliti pekerja di rantau Asia dan Pasifik.



ANUGERAH INOVASI PEMBELAJARAN CIDOS



Majlis Anugerah Inovasi Pembelajaran Digital CIDOS Inspiring Learning Award Politeknik dan Kolej Komuniti Malaysia 2019. Tahniah kepada NITHYA PERIASAMY dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, PUO yang telah dinobatkan sebagai The Best TeCC Educator 2019 pada eDola edisi ke 7.



PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT



Pencapaian Penjanaan Tertinggi Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) 2020 Kategori Politeknik Premier@ APACC.

WORK BASED LEARNING



Pendekatan Work Based Learning yang melibatkan pembelajaran eksperiential di industri selama 10 bulan dilaksanakan bagi program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Awam dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Pembuatan (Pengurusan Rantaian Bekalan) mulai tahun 2016 sehingga kini.

ANUGERAH INOVASI CIDOS INSPIRING LEARNING AWARDS (eDOLA) 2018. TECCNNOVATORS:

The Best TeCC (Management), JK ePembelajaran, The Best Educator (TeCC) Cik Noor Faliza Binti Omar, Jabatan Perdagangan, The Best Student Group (TeCC) DPM2A (Sesi Disember 2017) Jabatan Perdagangan, Tempat kedua THE TVET eCONVERGENCE Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) & UIDM, THE BEST REPORTER (PolitV) Anis Shafiqah Binti Mokhtar Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) & UIDM.



TECHNOLOGY-ENABLED COLLABORATIVE CLASSROOM (TECC).

Politeknik Ungku Omar telah mendapat pengiktirafan 5 star rating bagi pengurusan TeCC tahun 2019. PUO telah mengekalkan pencapaian 5-star rating tiga tahun berturut-turut sejak mula diperkenalkan pada tahun 2017.



PERTANDINGAN INTERNATIONAL INNOVATION COMPETITION (INNOCOM)

Anugerah Gold Award Science and Technology Category (Innovation Project) dan Virtual Presentation Awards (Best Virtual Presentation) di dalam pertandingan International Innovation Competition (INNOCOM) 2020 yang diadakan di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) secara virtual yang dianjurkan oleh Academic International Dialogue (AID). Dr. Supaat bin Haji Zakaria dan ahli kumpulan dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal yang terdiri daripada Dr. Mohd Nor Azam bin Mohd Dali, Puan Azmarini binti Ahmad Nazri, Encik Khairul Nizad bin Panior, Puan Zanidah binti Ithnin atas kemenangan Anugerah Gold AwardScience and Technology Category (Innovation Project) dan Virtual Presentation Awards (Best Virtual Presentation).



JUMLAH GRANT YANG DIPEROLEHI SETAKAT TAHUN 2020 IALAH SEBANYAK RM795386





Pencapaian *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 1

TERAS 5 | **MEMANTAPKAN PERKONGSIAN INDUSTRI & KOMUNITI**

PUO

PENCAPAIAN PELAN STRATEGIK FASA 1

TERAS 5

**MEMANTAPKAN
PERKONGSIAN INDUSTRI
DAN KOMUNITI**

Sepanjang tahun 2018 hingga 2020 sebanyak 63 organisasi telah menjadi rakan kolaborasi industri PUO. Kolaborasi ini melibatkan pelbagai bidang dan aspek seperti latihan pelajar, sangkutan industri tenaga pengajar dan pekerja kerjasama pembangunan teknologi dan inovasi, pembangunan dan pengkomersialan produk serta perkongsian ilmu dan kemahiran melalui pelbagai aktiviti dan program kerjasama. PUO sentiasa berusaha memastikan peluang berkolaborasi bersama rakan industri diguna sebaiknya. Antara projek yang memberi impak besar kepada kepada komuniti yang telah dilaksanakan bersama rakan kolaborasi industri adalah:

PROGRAM SESI TEKNOLOGI UPDATE GNSS SERTA PENGUKURAN SEMULA SEMPADAN TANAH DI MASJID JAMEK AL AMIN, TAMBUN PERAK 2020



Melalui program ini, para pensyarah dan pelajar dari program Diploma Geomatik, Jabatan Kejuruteraan Awam PUO bersama syarikat milik alumni PUO, AZR Geomatics Enterprise telah memperkenalkan kankaedah penggunaan teknologi GNSS dalam melaksanakan kerja tapak projek. Secara tidak langsung program ini juga membantu memperkenalkan penggunaan teknologi ini kepada masyarakat setempat. Setelah program tamat, pihak syarikat telah menghadiahkan 1 set peralatan GNSS kepada PUO untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran.

PROGRAM LUKISAN MURAL “IPOH, THE TOWN THAT TIN BUILT” DI JALAN HALE, IPOH

2019

Program ini telah dilaksanakan dengan penuh jayanya hasil kerjasama antara Unit Seni Bina, Jabatan Kejuruteraan Awam, Politeknik Ungku Omar dan Majlis Bandaraya Ipoh (MBI). Pihak berkuasa tempatan, khasnya Jabatan Perancangan Bandar, MBI mengiktiraf mural art sebagai elemen Bandar Selamat dan sangat berpuas hati dengan hasil lukisan mural kerana ia menjadi sebahagian daripada elemen tarikan pelancong di samping menaik taraf laluan pejalan kaki di lorong belakang bangunan iaitu Lorong Hale. Tema ‘Ipoh, the town that tin built’ juga berjaya diterjemahkan pada lukisan mural mengikut warna dan justifikasi yang ditetapkan oleh MBI. Selain itu, pelajar dapat menambah pengetahuan teknikal dan komunikasi dalam menjalankan kerja-kerja berbentuk kesukarelawanan di luar waktu pembelajaran. Para pensyarah pula dapat menyumbangkan khidmat kepakaran idea rekabentuk, lukisan dinding dan teknik cat pada dinding bangunan.



PROGRAM CSR BERSAMA SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN RAPAT SETIA IPOH DAN SMK RAJA CHULAN, IPOH

2020

Sememangnya usaha kolaborasi bersama komuniti tidak terhenti walaupun di waktu pandemik Covid-19. Di antaranya adalah kolaborasi antara PUO dan Sekolah Menengah Kebangsaan Rapat setia, Ipoh susulan daripada projek CSR Konsultansi Teknikal Autodesk F1 in School Design Competition yang telah diadakan bersama JKM, PUO. Seterusnya menaiktaraf Markas Delta dan Program JKM Jurutera Muda bersama pelajar SMK Raja Chulan Ipoh.



TRC EDUCENTER HASIL DARI KERJASAMA DENGAN INDUSTRI TRC SYNERGY SDN. BHD.





Aspirasi *Pelan Strategik* **PUO**

FASA 2

A large, stylized title is centered against a futuristic, glowing blue hexagonal background. The title consists of the words "Aspirasi" and "Pelan Strategik" in a script font, followed by "PUO" in a bold, yellow and teal blocky font. Below this, the word "FASA 2" is displayed in a large, white, sans-serif font on a black rectangular background. The overall theme is high-tech and modern.



PUO

ASPIRASI PELAN STRATEGIK


FASA 2

2021-2025

Politeknik Ungku Omar mensasarkan kecemerlangan yang telah dicapai dalam Fasa 1 PSPUO (2018 – 2020) dapat digarap ke Fasa 2 PSPUO. Adalah menjadi aspirasi serta hala tuju PUO untuk terus mengungguli dan menjadi lebih hebat di arena pemberian TVET dengan merancang inisiatif yang lebih progresif dan agresif untuk mencapai Pelan Strategik Fasa Kedua yang dilaksanakan mulai 2021 hingga 2025.

Daripada pencapaian PSPUO Fasa 1, sejajar dengan 5 teras utama PSPUO yang telah digariskan sejak tahun 2018, PUO telah berjaya melaksanakan pemacuan peningkatan sistem TVET berselari dengan kesiapsiagaan dan keupayaan warga PUO walaupun berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang melanda negara pada tahun 2020.

Seksyen seterusnya menyenaraikan aspirasi serta perancangan yang akan dilaksanakan untuk menambahbaik pencapaian PUO dalam Fasa 2 PSPUO yang berfokuskan kepada anjakan kecemerlangan menerusi operasi yang fleksibel. Pelan Strategik PUO Fasa 2 adalah berdasarkan kepada 6 Teras Strategik Jabatan Pengajian Politeknik dan Kolej Komuniti yang dihuraikan di bahagian seterusnya. Walaupun ini merupakan aspirasi dan perancangan di peringkat awalan sahaja, namun ianya boleh dijadikan panduan agar PUO berada di landasan yang betul dan sewajarnya. Negara masih dalam fasa pemulihan akibat pandemik Covid-19 di tahun 2021, dan banyak inisiatif dalam PSPUO terpaksa diubahsuai dengan keadaan yang mencabar ini. Pemantauan dan tindakan penambahbaikan (PDCA) akan sentiasa dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan kecemerlangan PUO sebagai institusi TVET premier diterajui industri yang unggul di rantau ini.



The slide features the Politeknik Universiti Malaysia Online (PUO) logo at the top right. It is divided into three main sections: **Visi** (Vision), **Misi** (Mission), and **Slogan**.


Visi (Vision):
Menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri.
To be a premier industry-driven TVET institution.

Misi (Mission):
Menghasilkan graduan yang holistik, kompeten dalam teknologi dan berdaya keusahawanan.
To produce graduates who are holistic, technologically competent and entrepreneurial.

Slogan:
dreamBIG@PUO

SISTEM PENGURUSAN KUALITI

POLITEKNIK UNGKU OMAR



04 Dasar Kualiti

"Membangunkan potensi pelajar ke arah kecemerlangan dalam bidang kejuruteraan, perdagangan dan teknologi maklumat melalui penambahbaikan yang menyeluruh secara berterusan. Politeknik Ungku Omar komited untuk memastikan kehendak pelanggan dipenuhi melalui pencapaian objektif kualiti yang disemak secara berkala bagi memastikan keberkesanannya sistem. Dasar ini disebarluaskan untuk difahami oleh semua peringkat kakitangan."



05 Objektif Kualiti


KECEMERLANGAN PELAJAR
Berusaha memastikan kebolehpasaran graduan mencapai sekurang-kurangnya 91% pada tahun kongresyen.

KECEMERLANGAN STAF

1. Memastikan setiap staf menghadiri kursus / menjalani latihan / seminar / bengkel / persidangan / konvensyen / taklimat sekurang-kurangnya 5 hari setahun.
2. Memastikan sekurang-kurangnya 6% PPPT mengikuti program pembangunan bakat dalam tahun semasa.

KECEMERLANGAN INSTITUSI
Berusaha memastikan pencapaian 100% dalam semua petunjuk prestasi (KPI) yang telah ditetapkan oleh Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK).

KECEMERLANGAN PROSES
Memastikan semua prosedur dilaksanakan dengan berkesan / mencapai petunjuk prestasi yang ditetapkan.



06 Piagam Pelanggan

- 1** Proses pendaftaran pelajar diselesaikan pada hari yang sama pelajar sampai untuk mendaftar.
